

Pilihanraya Kecil Lundang Suatu Perbalahan dalam Pentakrifan Islam

HANAPI DOLLAH

ABSTRAK

Sebelum ini, UMNO tidak pernah berkempen bersungguh-sungguh atas isu keislaman seperti dalam pilihanraya kecil Lundang lalu. Sebaliknya, pembangunan sentiasa menjadi isu utama dalam kempen UMNO di Kelantan. Kali ini, dalam pilihanraya kecil Lundang, sesudah ia tewas dengan teruknya dalam pilihanraya umum 1990, UMNO cuba berdepan dengan PAS atas isu keislaman, yang selama ini hanya dimonopoli oleh PAS. Oleh itu, dalam pilihanraya kecil ini, isu tersebut telah digunakan oleh kedua-dua parti. Setiap parti cuba mentakrifkan versi Islam masing-masing. Kedua-dua pihak saling meyakini bahawa versi Islam mereka yang lebih tersusun, tulin dan sesuai dengan kehidupan hari ini. Setiap parti menggunakan lambang dan koda yang sama, iaitu al-Quran dan Sunnah, tetapi mentafsir peristiwa secara berbeza sekali. Perbalahan dalam pentakrifan tentang Islam ini akan terus berlangsung lebih hebat dalam pilihanraya umum akan datang.

ABSTRACT

It has never before as in the Lundang by-election, UMNO took Islamic issue seriously. Development had always been a main issue for UMNO in its campaign in Kelantan. But this time, in the Lundang by-election, after being flatly defeated in the 1990 general election, UMNO tried to make a turn by fighting PAS straightly on the Islamic issue, which had been monopolised by PAS since 1955. Therefore, in the by-election, the Islamic issue was used by both parties. Each party tried to define its own version of Islam. Both parties were equally convinced that their version was more properly organised, authentic and appropriate to the modern world. Each party had been using the same signs and codes, i.e. the Quran and the Tradition (Sunnah), but analysing events in quite different way. The fighting over the definition of Islam between UMNO and PAS will be more prevailed in the next general election.

PROLOG

Lundang adalah sebuah kawasan Dewan Undangan Negeri Kelantan, iaitu sebahagian daripada kawasan Parlimen Kota Bharu. Kawasan ini lebih merupakan kawasan pinggir kepada pusat bandar Kota Bharu. Jarak yang paling jauh dengan pusat bandar itu hanya kira-kira enam kilometer sahaja. Oleh itu kawasan ini sekarang sedang menikmati pelbagai kemudahan sosioekonomi seperti pengangkutan dan perhubungan, sekolah dan hospital serta bekalan air paip dan elektrik.

Para 11 Februari 1994 lalu, Haji Mawardi Haji Ahmad, wakil Dewan Undangan Negeri Lundang telah meninggal dunia. Dengan itu, seorang wakil baru perlu dipilih. Suruhanjaya Pilihanraya telah menerapkan 19 Mac 1994 sebagai hari penamaan calon dan sepuluh hari kemudiannya, iaitu pada 29 Mac adalah hari pembuangan undi. Dalam pilihanraya umum tahun 1982, kawasan ini dipanggil kawasan Dewan Undangan Negeri Kubang Kerian. Dalam pilihanraya umum itu, kawasan ini telah pun dimenangi oleh calon PAS, iaitu Datuk Asri Haji Muda. Haji Mawardi telah dicalonkan oleh PAS dalam pilihanraya umum tahun 1986 setelah Asri keluar daripada parti itu. Dalam pilihanraya umum tersebut Haji Mawardi mendapat kelebihan undi hanya sebanyak 833. Dalam pilihanraya umum 1990, undi majoriti beliau telah meningkat kepada 5,871 (Ghazali Mahyudin 1993: 172).

Siri-siri kemenangan calon PAS itu menunjukkan bahawa Lundang adalah kubu PAS. Walau bagaimanapun, pilihanraya kecil selalunya berpihak kepada parti kerajaan pusat. Parti pembangkang selalunya tidak dapat bertahan meskipun di kubunya sendiri. Kekalahan di kubu sendiri pernah berlaku kepada PAS dalam pilihanraya kecil tahun 1983, di kawasan Dewan Undangan Negeri kawasan Kemumim, yang terletak di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa. Oleh itu kedua-dua pihak, PAS dan UMNO mempunyai asas untuk menaruh harapan kepada pilihanraya kecil ini.

Pilihanraya kecil ini juga mempunyai makna yang besar kepada kedua-dua parti tersebut. Sekiranya PAS dapat mempertahankan kemengannya, bererti sukar untuk UMNO merampas kembali kerajaan Kelantan dalam pilihanraya umum akan datang. Sebaliknya akan terjadi, seandainya dalam pilihanraya kecil ini, kubunya itu jatuh ke tangan UMNO, maka kemungkinan besar kerajaan negeri itu terlucut daripada genggamannya sebaik sahaja keputusan pilihanraya umum akan datang diisytiharkan.

Dengan itu, pilihanraya kecil Lundang juga merupakan satu medan pertandingan permulaan bagi pilihanraya umum akan datang antara PAS dengan UMNO di Kelantan. Sebagai suatu medan pertempuran awal, sudah tentu amat menarik untuk diperhatikan dan diteliti strategi dan taktik perlawanan mereka. Kekalahan maut UMNO dalam pilihanraya

umum 1990, serta dalam pilihanraya kecil Sungai Pinang dan Limbungan pada tahun berikutnya telah memaksa parti itu meneliti semula strategi dan taktik serangannya.

STRATEGI UMNO DI KELANTAN

UMNO sebagai sebuah parti yang berteraskan kepada ideologi nasionalisme dan dipimpin oleh mereka yang berpendidikan Barat, dari awal lagi telah tidak memberi perhatian kepada isu keagamaan. Baginya agama dan politik tidak boleh dicampuradukan (Ramli Awang 1985). Parti itu berpendapat bahawa apa yang penting kepada orang Melayu ialah pembangunan taraf hidup mereka. Pemimpin UMNO yang menerajui pemerintahan negara ini seperti juga dengan para pemimpin negaraneutra baru merdeka yang lain, umpamanya Nasir di Mesir, Nehru di India dan Nkrumah di Ghana. Mereka semuanya bukan sahaja berkeinginan membangun negara masing-masing mengikut model pembangunan negara Barat tetapi ingin membawa rakyat mereka keluar daripada kehidupan yang dikongkong oleh adat kepercayaan lama, ataupun apa yang disebut oleh Rogers (1969: 11) iaitu ‘gaya hidup yang bersumberkan keagamaan’. Keinginan ini dengan sendirinya membayangkan bahawa mereka tidak mementingkan kepada hal-hal keagamaan.

Justeru itu, UMNO memandang ringan dan menganggap remeh isu-isu keagamaan. Sikap UMNO ini dapat dilihat dalam kempen-kempen mereka di Kelantan pada pilihanraya umum 1959. Dalam kempen tersebut, terdapat penceramah UMNO yang secara sengaja memperolok-loukkan isu keagamaan dengan mengatakan bahawa nama UMNO sudah pun tercatat dalam al-Quran. Katanya al-Quran menyebut UMNO sebagai *āmanu* yang bermaksud ‘orang beriman’.¹ Penggunaan isu agama sebegini menunjukkan bahawa UMNO memang tidak berhajat menjadikan Islam sebagai isu jangka panjangnya. Para penceramah itu sendiri menyedari bahawa kenyataan seperti itu adalah satu pembohongan yang bila-bila sahaja akan pecah tembelangnya.

Dalam kempen pilihanraya umum pada tahun-tahun 1964 dan 1969, UMNO membawa isu agama sekadar melepas batuk di tangga sahaja. Isu-isu keagamaan yang diketintukannya ialah seperti pembinaan surau dan masjid serta majlis Pertandingan Membaca Al-Quran. Parti itu mendakwa, dengan dasarnya mementingkan pembangunan maka surau dan masjid dapat dibina di merata negeri. Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran yang diadakan setiap tahun telah memperkenalkan negara ini kepada kalangan negara-negara Islam di peringkat antarabangsa. Selain itu, UMNO juga meletakkan calon yang berpendidikan agama untuk bertanding dengan tokoh-tokoh utama PAS. Umpamanya, Ustaz Azahari

dicalonkan untuk menentang Ustaz Othman Abdullah, calon PAS untuk kawasan Parlimen Tanah Merah dalam pilihanraya umum 1959. Dalam pilihanraya umum 1969, UMNO meletakkan tokoh ulama pondok, Haji Mohd, Nor Haji Daud untuk menentang Asri Haji Muda, Yang Dipertua Agung PAS bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Kota Bharu Tengah. Hal-hal ini dilakukan oleh UMNO sekadar untuk menangkis serangan PAS yang sentiasa menuduhnya tidak berminat kepada Islam.

Dalam pilihanraya umum seterusnya, UMNO tidak juga ghairah dengan isu Islam. Malah dalam pilihanraya umum 1969, UMNO secara tidak langsung telah menjauhkan dirinya dari isu itu apabila dengan tegas dan lantang mengatakan bahawa PAS menggunakan Islam demi untuk kepentingan politik para pemimpinnya. *Pelopor*, lidah rasmi UMNO Kelantan terbitan Ogos 1968, telah memuatkan pengakuan dua orang anggota Dewan Undangan Negeri PAS Yang menyertai UMNO. Antara lain mereka mengatakan:

Kami dapati Parti PAS yang memperalatkan agama Islam yang maha suci tidak dapat berbuat apa-apa perkembangan dan kemajuan agama Islam sesudah mereka berkuasa memerintah negeri Kelantan hampir sepuluh tahun.

Ringkasnya, apabila UMNO menuduh PAS telah menyalahgunakan Islam maka ia juga tidak mahu dituduh sedemikian. Tengku Razaleigh Hamzah, selaku Ketua Perhubungan UMNO Kelantan pada waktu itu seringkali menyebut bahawa PAS memutarbelitkan ajaran Islam untuk kepentingan politik mereka (Mohd. Zain Saleh 1985: 138).

Semenjak itu, UMNO tidak lagi menoleh ke belakang. Ia begitu yakin bahawa isu Islam sebagai modal kempen tidak memberi apa-apa keuntungan, malah ia lebih merupakan tanggungan. UMNO sebaliknya berusaha memperjelaskan dirinya sebagai pembela dan pembangun sosioekonomi rakyat. Isu pembangunan ini telah digunakan sepenuhnya dalam pilihanraya umum 1986 dan pilihanraya umum 1990. Hakikat ini terkandung dalam slogan ‘Tradisi Membela Rakyat’.

Dalam kempen tahun 1986, UMNO dengan berani mendabik dada mengatakan bahawa mereka yang layak memerintah dan membangun negeri Kelantan. Manakala pemimpin-pemimpin PAS yang terdiri daripada ulama hanya layak menjadi imam dan kadi sahaja (Hanapi Dollah 1986). Pemerintahan dan pentadbiran negeri harus diserahkan kepada teknokrat dan golongan profesional kerana mereka yang boleh melaksanakan pembangunan untuk rakyat. Golongan tersebut hanya terdapat di dalam UMNO. Sehubungan dengan itu, UMNO Kelantan dengan bangganya mendabik dada mengatakan:

Rakyat Kelantan yang telah tertinggal selama 18 tahun semasa pemerintahan PAS telah menerima berbagai nikmat pembangunan dalam tempoh yang singkat

sahaja setelah Barisan Nasional yang didukung oleh UMNO memerintah Kelantan (Jelani Jaafar 1983).

Dalam pilihanraya umum 1990, sekali lagi UMNO memperhiaskan dirinya dengan isu pembangunan. Kali ini UMNO bukan sahaja bercakap tentang pembangunan dan kemajuan sosioekonomi negara, tetapi juga mempamerkan para pemimpinnya yang terdiri daripada golongan profesional dan ahli perniagaan. Golongan ini dianggap lebih mampu menjadi pemimpin orang Melayu dalam suasana negara yang pesat membangun ini.

Sungguhpun tahun-tahun 1970-an dan 1980-an dianggap era kebangkitan semula Islam, tetapi kebangkitan itu boleh dianggap hanya sebagai mimpi di malam hari. Pada hakikat nyata, kebangkitan itu tidak sehebat namanya (Weiss 1988). Ia tidak dapat menggugat status quo politik mana-mana negara, kecuali Iran. Di negara ini sendiri, sungguhpun turut mengalami gelombang kebangkitan itu (Chandra Muzaffar 1987; Zainah Anwar 1987; Mohamad Abu Bakar 1987; Nagata 1985) tetapi tidak menjelaskan kekuatan politik UMNO. Malah, politik Islam yang didukung oleh PAS sendiri tidak begitu bermaya di dalam era tersebut.

Terdapat tiga peristiwa penting yang berlaku di sekitar UMNO dan PAS jelas memperlihatkan hakikat di atas. Pertama aktivis utama dalam gerakan kebangkitan semula Islam itu, iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menganggotai UMNO pada tahun 1982, iaitu beberapa bulan sahaja sebelum pilihanraya umum tahun tersebut (Hussein Mohamad 1993). Sebelum itu, beberapa orang rakan seperjuangannya dalam ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) seperti Ustaz Fadzil Nor, Tuan Guru Abdul Hadi Awang dan Haji Nakahaie Ahmad telah pun menganggotai PAS. Kehadiran tokoh-tokoh itu ke dalam PAS, tidak juga membawa kejayaan yang bermakna kepada parti itu. Sebaliknya pula, kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO, secara langsung menguatkan lagi hakikat bahawa politik UMNO lebih cerah masa depannya berbanding dengan PAS.

Kedua, pada tahun 1983, Asri Haji Muda bersama beberapa pemimpin PAS yang lain telah keluar daripada parti itu dan menu buhkan parti baru, iaitu HAMIM (Hizbul Muslimin). Tindakan Asri ini juga membayangkan bahawa politik keagamaan seperti yang didukungi oleh PAS tidak mempunyai masa depan (Asri 1994). Ketidakyakinan Asri dan kumpulannya kepada politik yang berdasarkan keagamaan semakin ketara apabila mereka meninggalkan HAMIM, parti yang dipelopori sendiri dan menyertai UMNO lima tahun kemudian. Dengan kemasukan Asri dan konco-konconya ke dalam UMNO, secara langsung mengesahkan hakikat bahawa politik Islam tidak mendapat tempat di negara ini (Rencana Pengarang 1988; Wan Hashim Wan Teh 1988).

Ketiga ialah ‘kemurtadan’ Nakahaie Haji Ahmad daripada PAS dan kemudiannya menyertai UMNO pada tahun 1988. Nakahaie juga mendakwa bahawa PAS tidak akan ke mana-mana dalam perjuangannya (Saodah Elias 1988). Nakahaie semasa meninggalkan PAS, beliau adalah Naib Presiden parti itu. Sudah tentu dapat dibayangkan betapa gelapnya masa depan politik yang berasaskan isu keagamaan seperti PAS, kalau Naib Presidennya sendiri tidak yakin lagi kepadanya. Nakahaie bukan sahaja tidak yakin tetapi beliau merasakan terlalu buruk sifat keislaman yang dimiliki oleh PAS sehingga beliau melabelkan parti itu sebagai ‘Parti Anak Syaitan’ (*Harakah*, 30 Jun 1989).

Dengan itu tidak hairanlah, walaupun di dalam suasana apa yang dipanggil sebagai kebangkitan semula Islam itu, UMNO dengan penuh yakin mengenepekan isu Islam sebagai modal kempennya. Peristiwa-peristiwa di atas meyakinkan UMNO tentang apa yang disebut oleh Eickelman (1987: 13), iaitu politik yang berunsurkan keagamaan yang dipimpin pula oleh ulama tradisional adalah fonomena sementara yang beransur surut kekuatan dan pengaruhnya. Politik sebegini tidak mempunyai masa depan lagi.

Walau bagaimanapun, setelah merenung akan kekalahan teruk yang baru lalu itu, UMNO Kelantan merasakan suatu strategi baru patut dimulakan. Pilihanraya kecil Lundang merupakan medan percubaan strategi baru itu. Seandainya benar-benar isu pembangunan boleh memikat dan mempunyai seribu satu hikmat, sudah tentu UMNO Kelantan tidak kecundang sebegitu teruk dalam pilihanraya umum lepas. PAS dan rakan kongsi, S46 tidak mempunyai apa-apa yang boleh ditawarkan untuk membangun sosioekonomi rakyat Kelantan, tetapi rakyat negeri itu secara bulat-bulat memilih mereka. Dengan itu terdapat sesuatu kelainan yang ditawarkan oleh parti pembangkang tersebut sehingga dapat memikat hati dan undi rakyat Kelantan. Sesuatu kelainan itu ialah isu-isu keislaman. Perkiraan inilah yang menjadi titik tolak kepada pembentukan strategi baru UMNO dalam pilihanraya kecil ini.

Beberapa orang pemimpin UMNO mengakui bahawa isu keagamaan penting kepada rakyat Kelantan. Umpamanya, Tan Sri Muhamad Mohd, Taib, salah seorang Naib Presiden UMNO ketika berucap di Majlis Penerangan Mubariz di Auditorium MARA Kota Bharu, pada 5 Mac 1994 mengatakan bahawa rakyat Kelantan memang sensitif dengan isu keagamaan dan mudah dipengaruhi olehnya. Manakala Hajah Rahmah Othman, seorang bekas Timbalan Menteri UMNO yang pernah menjadi Ketua Wanita S46, semasa berkempen untuk UMNO di Lundang turut menyebut bahawa rakyat Kelantan sebenarnya mahukan perubahan tetapi diugut masuk neraka oleh propaganda PAS (*Utusan Malaysia*, 5 Mac 1994).

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri menyebut bahawa PAS hanya bermodalkan isu agama di dalam permainan

politiknya. Untuk menentang kemaraan PAS itu, UMNO mahu tidak mahu terpaksa bermain dalam peraturan yang sama. Untuk melengkapkan dan mempersiapkan UMNO dalam isu ini, maka kerajaan telah menubuhkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada tahun 1992. Institut ini berperanan sebagai alat untuk mempropagandakan pentakrifan Islam yang seiaras dengan gaya dan corak politik UMNO. Tegasnya, ia bertindak sebagai badan pemikir kepada kerajaan dalam menangani isu-isu keagamaan.

ISLAM UMNO

Ketara sekali bahawa UMNO mahu berdepan dengan PAS dalam pilihanraya kecil Lundang itu di dalam cara permainan PAS sendiri, iaitu di dalam memperagakan Islam. Terasa sekali bahawa seolah-olah UMNO baru menyedari bahawa isu Islam tidak harus dimonopoli oleh PAS selamanya. Seandainya PAS boleh berjaya merampas kerajaan Kelantan dari genggaman UMNO dengan hanya melalui penggunaan isu-isu keagamaan, mengapa tidak ia harus mengetepikan isu tersebut.

Persediaan UMNO untuk menghadapi PAS di dalam memperagakan pengertian Islam dalam pilihanraya kecil itu tidaklah secara spontan, meskipun kelihatannya begitu. Berbekalkan bantuan IKIM, Perdana Menteri yang juga Ketua atau Pengurus Badan Perhubungan Kelantan telah melancar serangan awalnya apabila beliau mendesak supaya al-Quran ditafsir semula ketika berucap dalam Perhimpunan Agung UMNO 1993. Beliau berpendapat bahawa pentafsiran semula itu perlu demi untuk disesuaikan dengan zaman kini (lihat, Wan Ismail 1994).

Kekosongan Dewan Undangan Negeri kawasan Lundang telah memberi peluang kepada UMNO untuk melancarkan serangan yang lebih intensif ke atas PAS. Pada 3 Mac 1994, bertempat di Dewan Saddam Hussein, Pusat Bahasa Arab Niam Puri (Kota Bharu), Perdana Menteri sekali lagi mengasak PAS secara langsung apabila beliau berucap secara panjang lebar menerangkan bahawa PAS mempunyai Islamnya yang tersendiri, iaitu berbeza dengan Islam Yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Dengan mengutip beberapa ayat al-Quran yang menekankan kepentingan keadilan seperti Shaad (27), asy-Syura (17) dan ar-Rahman (7-8). Dr. Mahathir mempersesembahkan Islam sebagai agama yang berteraskan keadilan. Kata beliau:

Islam adalah agama yang membawa keadilan kepada Arab jahiliah dan kepada umatnya yang lain. Islam menjamin keadilan bagi semua rakyat yang berada dalam negara Islam dan masyarakat Islam. Islam tidak mungkin mengizinkan ketidakadilan menjadi sebahagian daripada ajarannya. Islam tetap menegakkan keadilan dan mempertahankannya. Kezaliman bukan sesuatu yang menjadi sifat keislaman (p.d. Othman Muda 1994).

Demi untuk mengingatkan tentang kemungkinan terdapat perlaksanaan undang-undang yang tidak adil, Dr. Mahathir juga turut mengutip sebuah hadis yang bermaksud:

Sesungguhnya yang menyebabkan binasanya orang zaman silam ialah kerana apabila seseorang yang mempunyai kedudukan di kalangan mereka mencuri, mereka biarkan dan apabila orang lemah di kalangan mereka mencuri, mereka potong tangannya.

Dengan hadis itu, beliau ingin menyatakan bahawa Islam PAS bukanlah Islam yang sebenar. Bukti kepalsuan Islam PAS itu ialah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993, ataupun yang lebih terkenal dengan hukum hudud yang diluluskan oleh Dewan Undangan negeri Kelantan pada 23 November 1993.² Hukum hudud itu dianggap bersifat sebagai undang-undang yang tidak adil, ganas, kejam dan kasar. Oleh itu PAS mempunyai Islam yang bertentangan sekali dengan Islam yang sebenarnya. Islam yang sebenar ialah Islam yang menekankan keadilan, kasih sayang, kelembutan dan adil.³ Akhirnya, Dr Mahathir menyimpulkan bahawa enakmen tersebut adalah hukum hudud PAS tetapi bukan hudud Islam (Othman Muda 1994). Demi untuk menguatkan lagi kesahihan pandangannya itu, Perdana Menteri telah memilih Pusat Pengajian Akademi Islam Nilai Puri sebagai tempat memperkatakannya.

Kenyataan Presiden UMNO itu telah mendapat sokongan daripada para pemimpin UMNO yang lain. Tan Sri Muhyiddin Yasin, Naib Presiden UMNO, umpamanya, mengatakan bahawa UMNO menentang enakmen itu kerana ia adalah hukum hudud PAS tetapi bukan hukum Allah (*Berita Harian*, 22 Mac 1994). Manakala Timbalan Presiden UMNO, Anwar Ibrahim juga turut menyatakan perkara yang sama dalam ceramahnya di Sekolah Rendah Kebangsaan Mentera (Kota Bharu-Lundang) pada 25 Mac 1994. Beliau menegaskan bahawa UMNO tidak menentang hudud yang benar-benar mengikut syariat. Apa yang dipertikaikan ialah hukum hudud PAS. Beliau menyeru rakyat, khususnya Para pengundi di Lundang supaya membezakan antara hudud Islam dengan hudud PAS. Beliau selanjutnya menyebut bahawa UMNO tidak mempersoalkan hukum al-Quran dan syariah, tetapi tafsiran dan nawaitu para pemimpin PAS. Ringkasnya, beliau ingin menegaskan bahawa enakmen itu adalah sebenarnya hudud PAS dan tidak kena-mengena dengan hukum Islam. Dalam suatu ceramah yang lain di Jalan Bayam pada 26 Mac, beliau menyatakan:

Bagi saya hukum hudud yang dikemukakan oleh PAS itu tidak menampakkan keikhlasan, sebaliknya cuba menutup kelemahan pentadbirannya dalam usaha melaksanakan dasar Islam.

Seperti ketuanya, Anwar Ibrahim juga cuba mengutarakan yang Islam itu mengutamakan keadilan. Untuk menguatkan dakwaannya beliau telah mengambil pendapat Yusoff al-Kardawi, seorang ulama Mesir yang menyatakan bahawa apa yang lebih penting kerajaan Islam lakukan ialah membasmi kemiskinan, membantu orang susah, menyediakan pendidikan, pentadbiran yang cekap, mampu menegakkan keadilan dan tidak membolot kekayaan untuk diri sendiri.

Datuk Syed Hamid Albar, Menteri Undang-Undang dan salah seorang anggota Majlis Tertinggi UMNO yang giat berkempen dalam pilihanraya kecil ini turut menyerang keislaman PAS melalui enakmen tersebut. Dalam akhbar *Utusan Malaysia*, 23 Mac, terpampang di muka hadapan tajuk berita utama, "Hukum hudud PAS banyak kepincangan". Tajuk berita dan kandungan akhbar itu adalah luahan ceramah beliau di Kampung Padang Enggang pada 22 Mac. Di dalam ceramah itu, Syed Hamid menyebut beberapa kelemahan enakmen itu seperti tidak menyentuh aspek penderhakaan dan perogolan, kelayakan hakim dan saksi serta menuduh PAS meluluskan undang-undang itu secara tergesa-gesa sekadar untuk membolehkan PAS mempamerkan dirinya sebagai berjuang untuk Islam.

IKIM juga turut berperanan dalam menonjolkan UMNO sebagai mempunyai Islam yang sebenar. Ketua Pengarah IKIM, Dr. Ismail Ibrahim turut memberi perhatian kepada persoalan hukum hudud tersebut demi untuk menidakkannya keislaman PAS. Ketika membahaskan perkara ini, beliau turut mengutip pendapat Roger Garaudy dari Perancis yang menyebut bahawa pelaksanaan undang-undang Arab abad ke-7 kepada masyarakat abad ke-20 ini boleh memecah-belahkan umat dan memberi gambaran buruk kepada al-Quran. Malah pelaksanaan hukum Islam itu adalah jenayah kepada Islam (*Utusan Malaysia*, 23 Mac 1994). Dalam sebuah rencana dalam *Utusan Malaysia*, keluaran 28 Mac 1994 yang ditulis oleh Abdul Malique juga menyuarakan pendapat yang sama. Beliau mengatakan bahawa pelaksanaan hukum hudud berkenaan boleh menyebabkan masyarakat Islam keliru dan sesat serta mencaci dan mencela Islam. Seterusnya beliau membuat kesimpulan bahawa hukum seperti itu adalah kolot dengan katanya "Kita tidak mahu dituduh penganut agama ortodoks dan antikemajuan dan pembangunan".

Islah, sebuah pertubuhan serpihan PAS⁴ turut mencanangkan bahawa hukum hudud yang hendak dilaksanakan oleh PAS itu adalah hukum PAS, kerana ia tidak memberi keadilan. Hukum itu digubal semata-mata untuk kepentingan politik PAS. Pandangan Islah ini disuarakan oleh orang kuatnya, iaitu Wan Ismail Ahmad yang juga salah seorang pengasasnya ketika berceramah di Kampung Pasir Jelatang pada 21 Mac. Manakala Ketua Penerangan Islah, Ismail Idris pula dalam satu ceramah lain mengatakan bahawa hukum hudud yang diluluskan oleh PAS itu tidak bertaraf hukum hudud Allah kerana para pemimpin PAS

hanyalah ulama politik, tetapi bukan ulama sebenar (*Berita Harian*, 28 Mac 1994). UMNO juga telah menggunakan nama sultan untuk menafikan hukum hudud itu sebagai hukum Islam sebenar sebagaimana yang dilakukan oleh Annuar Musa. Beliau berhujah bahawa hukum hudud itu ciptaan PAS semata-mata untuk dijadikan isu politik, tetapi bukan hukum Islam sebenar kerana ia tidak ditandatangani oleh Sultan Kelantan (*Berita Harian*, 27 Mac 1994).

Selain menyerang hukum hudud, UMNO juga cuba merosakkan citra Islam PAS melalui isu pilihanraya Sabah yang berlangsung pada 19 Februari 1994.⁵ Akibat beberapa orang anggota Dewan Undangan Negeri PBS melompat menyertai BN, kerajaan Sabah telah jatuh ke tangan BN. Cara BN menawan kerajaan Sabah ini telah dikritik oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz, Menteri Besar Kelantan itu menyarankan agar satu pilihanraya baru diadakan di Sabah. Kritikan Nik Abdul Aziz ini telah dijadikan isu kempen untuk memburuk keislaman PAS. Hampir kesemua penceramah UMNO menyebut isu ini dan menuduh Nik Abdul Aziz dan PAS menyokong parti Kristian itu. Umpamanya, Anwar Ibrahim mengatakan PAS telah bersandiwara tentang Islam. PAS bukan sahaja meletakkan calonnya untuk bertanding dengan calon UMNO di Sabah, tetapi apabila UMNO berjaya menawan Sabah, PAS mengkritiknya pula. Anwar juga menyebut bahawa umat Islam Sabah telah menderita selama sembilan tahun di bawah kerajaan PBS. Dengan itu kejayaan UMNO itu adalah kejayaan Islam di sana. Perkataan ini diucapkannya di dalam ceramah di Jalan Bayam pada 26 Mac.

Manakala Wan Mohd. Najib Wan Mohamad, ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Limbungan yang menang di atas tiket S46, tetapi telah melompat kepada UMNO, kemudiannya melancarkan sularan yang lebih keras kepada Menteri Besar Kelantan tersebut. Beliau mengatakan bahawa Nik Abdul Aziz tidak Islamik dan kenyataannya tentang politik Sabah itu amat memalukan. Selanjutnya beliau menyeru Nik Abdul Aziz menarik balik kenyataannya itu. Wan Mohd. Najib membuat kecaman ini ketika berceramah di Kampung Tasik pada 19 Mac. Beberapa penceramah UMNO yang lain seperti Ibrahim Ali, juga seorang wakil rakyat yang menang atas tiket S46, tetapi melompak kepada UMNO kemudiannya dan Mohd Ariffin Abdul, Setiausaha BN Kelantan turut membawa isu ini di dalam ceramah mereka. Mereka mengatakan bahawa Menteri Besar Kelantan itu cuba mempertahankan Datuk Pairin (*Mingguan Malaysia*, 20 Mac 1994).

Setelah memburuk-burukkan dan menidakkannya keislaman PAS, UMNO cuba mempamerkan dirinya sebagai pendukung Islam yang sebenar. Islam UMNO adalah Islam sebenar kerana ia mementingkan keadilan dan lebih bersifat membela nasib rakyat. Anwar Ibrahim dalam ceramah di Jalan Bayam itu juga menyatakan bahawa UMNO mahu menjadikan Malaysia sebagai negara Islam pertama di dunia yang mampu

menyaingi negara maju. Kenyataan itu secara tidak langsung mempertegaskan bahawa UMNO telah pun mendirikan negara Islam. Cita-cita UMNO tidak setakat itu sahaja, tetapi mahu menjadikan negara Islam yang terkemuka di dunia. Apa yang UMNO lakukan ini sudah tentu selangkah lebih terkedepan daripada PAS yang hanya sekadar masih bercakap untuk mewujudkan negara Islam.

Tan Sri Mohamad Mohd. Taib turut mengemukakan gambaran yang sama. Beliau, mengatakan bahawa semenjak merdeka lagi UMNO telah berjuang menerangkan syiar Islam dan meletakkan Islam di tempat yang tinggi. Ucapan ini disampaikan ketika berkempen di kampung Gong Dermin pada 25 Mac. Seorang lagi tokoh UMNO yang juga berkempen atas isu ini ialah Syed Hamid Albar. Syed Hamid ketika mengadakan jamuan hari raya di Kota Tinggi pada 26 Mac, mengatakan bahawa UMNO dan BN pada awal-awal lagi memperjuangkan Islam, iaitu lebih dahulu daripada PAS. Manakala Tan Sri Isa Abdul Samad melangkah lebih jauh dalam memperagakan keislaman UMNO ini dengan mengatakan Islam UMNO telah sampai kepada taraf antarabangsa (*Utusan Malaysia*, 25 Mac 1994).

Untuk membezakan antara Islam UMNO yang dianggap Islam yang sebenar dengan Islam PAS. UMNO mentakrifkan bahawa Islam yang sebenar itu adalah mengimbangi kepentingan dunia dengan akhirat. Syed Hamid Albar mengatakan bahawa tanpa keseimbangan itu boleh mengakibatkan wujudnya masyarakat Islam yang mundur dan ketinggalan. Dalam menghujahkan pengertian ini, pendapat Hassan Turabi telah digunakan. Hassan Turabi berpendapat bahawa Islam bukan sahaja budud tetapi banyak lagi, contohnya, menjaga alam sekitar, memperjuangkan kemajuan sains dan teknologi serta memerangi buta huruf, Negeri Kelantan didakwa sebagai negeri termundur dan termiskin di Malaysia (Abdul Malique 1994). Dengan berhujah begini, UMNO mahu menyatakan bahawa Islam yang dimilikinya lebih benar daripada PAS, kerana ia lebih mementingkan pembangunan dan pembelaan rakyat miskin. Kemunduran rakyat Kelantan dideakah secara tidak langsung dalam kempen pilihanraya kecil Lundang melalui janji-janji bantuan pembangunan segera ke kawasan ini sekiranya calon UMNO menang (*Mingguan Malaysia* 20 Mac 1994).

UMNO juga cuba mengeluarkan ‘fatwa’ demi untuk menunjukkan yang perjuangannya adalah perjuangan Islam yang sebenar. Umpamanya, Datuk Ahmad Rastom, bekas Timbalan Menteri Besar UMNO dan juga Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu telah ‘berfatwa’ dengan mengatakan, “Kita akan ditanya oleh Allah di akhirat nanti kalau kita tidak menentang PAS yang gagal meningkatkan martabat bangsa” (*Mingguan Malaysia*, 20 Mac 1994). Manakala Tan Sri Ramli Ngah Talib pula berkata bahawa PAS patut menanggung dosa kerana menutup rezeki rakyat akibat menolak pembangunan (*Berita Harian*, 25 Mac 1994).

Sehubungan dengan kenyataan di atas, UMNO Bahagian Kota Bharu seterusnya telah melancarkan ‘perang suci’ ke atas PAS apabila mereka mengemukakan slogan ‘Berjihad Membunuh PAS’ (Mohd. Zainal Abidin 1994). Kempen ‘perang suci’ ini dilancarkan oleh Ahmad Rastom dalam satu majlis ceramahnya di Bilik Gerakan UMNO Lundang pada 25 Februari, atas tajuk ‘Analisa pilihanraya umum Negeri Sabah 1994’.⁶ Melalui slogan itu, UMNO dalam pilihanraya kecil kali ini kelihatan benar-benar mahu menonjolkan bahawa ia adalah pendukung Islam yang sebenar. Sebagai pendukung Islam yang sebenar, sudah tentu ia berhak melancarkan ‘perang suci’ itu ke atas musuhnya, iaitu PAS. Tindakan UMNO ini nampaknya lebih terkedepan berbanding dengan PAS. Sungguhpun PAS sentiasa membawa isu-isu keagamaan tetapi slogan seperti ini tidak pernah di kenakan ke atas UMNO. Tegasnya, kali ini UMNO Kelantan bersungguh-sungguh mahu berhadapan dengan PAS dalam pentakrifan Islam yang sebenar itu.

Walau bagaimanapun, perjuangan ‘berani mati’ UMNO Kelantan itu tidak secocok dengan asas strategi yang telah pun diletakkan oleh pucuk pimpinan parti. Sebagaimana dinyatakan sebelum ini bahawa pucuk pimpinan parti, iaitu Presiden UMNO telah pun mentakrifkan bahawa Islam itu bersifat adil, lembut dan penuh toleransi. Malah, IKIM telah mengadakan satu persidangan atas tema, ‘Islam dan toleransi’ di Dewan Besarnya pada 23 dan 24 Mac, iaitu beberapa hari sahaja sebelum hari pembuangan undi di Lundang. Untuk memperlihatkan Islam sedemikian, IKIM telah mengetengahkan ayat-ayat al-Quran dari surat Ali Imran (159) dan al-Mumtahanah (8).⁷ Ayat-ayat itu menerangkan bahawa Islam adalah bersikap lembut, tidak keras, tidak kasar, pemaaf, berbuat baik, adil dan penuh toleransi (*Utusan Malaysia*, 23 Mac 1994). Sebagaimana diperkatakan umum bahawa sifat-sifat keras, kasar dan melampau itu adalah ciri-ciri PAS sehingga didakwa perpecahan di kalangan orang Melayu adalah angkara corak politik PAS yang sedemikian itu (Abdul Razak Ayub 1985; Wan Zahidi Wan Teh 1987). Sudah tentu, UMNO tidak mahu disabitkan dengan sifat-sifat yang dianggap bukan Islamik itu.

Justeru itu, slogan jihad UMNO Bahagian Kota Bharu itu digugurkan. Menjelang hari penamaan calon pada 19 Mac, slogan baru muncul pada kain-kain rentang yang dijulang oleh para penyokong parti tersebut, termasuklah juga oleh anggota MCA. Slogan baru itu ialah ‘Menegakkan Islam Secara Bijaksana’. Slogan ini tidak diragukan lagi amat cocok dengan Islam yang cuba diketengahkan oleh pucuk pimpinan UMNO dan sepadan pula dengan slogan ‘Membangun Bersama Islam’ yang didukung oleh PAS.

Dalam ceramah di Padang Sekolah Kebangsaan Padang Garung, pada pagi hari penamaan calon, Annuar Musa telah menyampaikan ucapan dan antara lain beliau menyebut bahawa UMNO ingin membawa

kemajuan dan meningkatkan martabat agama. Perjuangan Islam UMNO adalah bersifat syumul (sempurna). Pilihanraya kecil Lundang adalah peluang untuk menerangkan kepada rakyat tertang kesyumulan Islam UMNO tersebut. Untuk menggambarkan kesyumulan itu, UMNO telah menyebut bahawa ia telah mengadakan pelbagai program seperti pembankuan, insuran, universiti, reformasi pendidikan dan penerapan nilai-nilai Islam (*Berita Harian*, 22 Mac 1994). "Seandainya rakyat Kelantan sayangkan agama dan bangsa, maka undilah BN". Itulah antara pesanan terakhir Rahmah Othman semasa berkempen di Kampung Dermin pada 25 Mac.

Pada hari penamaan calon, UMNO kelihatan begitu bersemangat untuk memperagakan keislamannya. Selain daripada slogan utamanya, iaitu 'Menegakkan Islam Secara Bijaksana', terdapat beberapa slogan lain berunsurkan keagamaan seperti 'BN menjaminkan kejayaan Ummah', UMNO memperjuangkan Syiar Islam', 'Ke Arah: Peringatan, Perubahan dan Pembangunan' dan 'Undilah BN Untuk Kesejahteraan Dunia dan Akhirat'. Slogan-slogan yang berunsurkan keislaman turut dipaparkan di dalam akhbar sebagai iklan (*Utusan Malaysia*, 26 Mac dan *Mingguan Malaysia*, 27 Mac 1994). Slogan utama parti itu, iaitu 'Tradisi Membela Rakyat' tidak begitu ketara dalam pilihanraya kecil ini.

Manakala dalam suasana perarakan dan perhimpunan UMNO pada pagi penamaan calon itu juga berbeza dengan masa-masa lalu. Kali ini perhimpunan UMNO itu tidak lagi menyanyi lagu kebangsaan dan lagu-lagu patriotik, tetapi melaungkan takbir 'Allahuakbar' dan berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhamad s.a.w. Takbir dan selawat mereka lebih lantang daripada penyokong PAS. Ternyata sekali lagi bahawa UMNO cuba memperlihatkan ia sebagai parti yang lebih Islam daripada PAS.

UMNO bertanding keislaman dengan PAS bukan sahaja setakat isu dan suasana, tetapi juga dari segi personaliti calon. Sehari sebelum hari penamaan calon, UMNO membuat pengumuman bahawa calonnya adalah seorang yang bersifat ulama. Untuk memberi identiti ulama kepada calon UMNO itu, ia bukan sahaja diberi pakaian baju Melayu, berkain pelikat dan berkopiah, tetapi diperkenalkan sebagai waris Tok Kenali dan Tok Guru Haji Daud Bukit Abal.⁸ Nama peribadi calon itu, Nik Abdul Rahman Nik Taib tidak begitu disebut-sebut tetapi sebaliknya beliau dipanggil sebagai cicit tokoh ulama Tok Kenali' (Wak Cantuk 1994).

Sungguhpun rekod pendidikan rasmi calon UMNO itu menunjukkan bahawa dia hanya mendapat pendidikan moden, iaitu dari sekolah rendah, sekolah menengah dan ITM (Institut Teknologi MARA) serta Universiti Ohio, tetapi beliau turut didakwa sebagai seorang lepasan sekolah pondok. Bukan setakat itu sahaja, malah beliau diperkenalkan juga sebagai pengasas Pondok Nik Yeb (*Berita RTM*, 9 pagi 19 Mac 1994;

Utusan Malaysia 18 Mac 1994). Malah tajuk berita dalam akhbar *Berita Harian* 18 Mac mencatatkan ‘Tokoh agama calon Barisan’.⁹ Ketokohan beliau itu bukan sahaja cuba ditimbulkan melalui keturunan dan pendidikan,tetapi juga dari segi sifat peribadi. Umpamanya Wan Ismail Wan Ibrahim, bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan semasa PAS dipimpin oleh Asri, yang sekarang menganggotai UMNO, di dalam kempennya menyebut bahawa calon UMNO itu adalah seorang yang ‘berperibadi agama’ (*Utusan Malaysia*, 25 Mac 1994). Percubaan mengulamakan calon yang dilakukan oleh UMNO kali ini berlawanan sekali dengan sikap parti itu pada masa-masa lalu. Hal ini hanya biasa dilakukan oleh PAS sehingga diperli oleh Anwar Ibrahim dalam kempenkempen beliau di Kelantan dalam tahun 1986.

Di dalam perhimpunan politik, pada masa-masa lalu, pakaian khaiayak yang berbaju Melayu, berkain pelikat dan berkopiah putih adalah khalayak PAS, kerana pakaian sebegini adalah identiti PAS. Manakala identiti UMNO pula adalah bersongkok hitam, berbaju kemeja dan berseluar panjang. Kopiah putih adalah semacam taboo kepada perhimpunan UMNO sama ada di kalangan penyokong ataupun pemimpinnya. Keadaan itu tidak lagi berlaku sekarang.

Di dalam ceramah UMNO dalam pilihanraya kecil ini, bukan sahaja terdapat khalayak yang mengenakan pakaian orang PAS itu, tetapi juga di kalangan penceramah. Malah Datuk Mustapha Muhamad, Timbalan Menteri Kewangan turut mengenakan kopiah putih semasa berkempen (*Utusan Malaysia*, 24 Mac 1994). Malah, lebih jauh dari itu, penyokong UMNO membuat kritikan kepada pakaian orang PAS yang tidak lagi berjubah atau berkain sarung dan berkopiah. Orang PAS sekarang sudah mula mengenakan *bush jacket* dan berseluar panjang. Perubahan corak pakaian ini telah didakwa oleh penyokong UMNO sebagai bukti yang PAS tidak berjuang untuk Islam yang sebenar, sebaliknya hanya ingin menjadi wakil rakyat (Wan Ahmad Hassan 1994).

Isu pembangunan tidak lagi dibawa oleh UMNO secara telanjang. Malah Annuar Musa menafikan langsung pembangunan sebagai isu UMNO. Ketika berceramah di Kampung Lundang pada 25 Mac, beliau mengatakan bahawa BN tidak menggunakan isu pembangunan bagi memikat hati para pengundi.¹⁰ Sebaliknya isu pembangunan itu dihidangkan secara Islam. UMNO telah mengeluarkan sebuah buletin semasa pilihanraya kecil ini untuk menerangkan kepada orang ramai program pembangunannya. Buletin itu diberi nama *Bina Hadarah Islamiah*. Dengan nada yang penuh tawadah, Tan Sri Rahim Tambi Chik, Ketua Pemuda UMNO Malaysia berkata:

Kita yakin jika UMNO berjuang untuk merubah nasib bangsa Melayu dan keikhlasannya telah dirahmati Allah sejak 37 tahun dahulu, tidak mustahil UMNO akan berjaya dalam pilihanraya kecil itu (*Utusan Malaysia*, 28 Mac 1994).

Manakala Ketua Penerangan UMNO Kelantan, Ibrahim Ali juga turut cuba menegaskan tentang keikhlasan UMNO tersebut. Di dalam ceramahnya di Kampung Banggu pada 23 Mac menyebut bahawa pucuk pimpinan UMNO amat prihatin terhadap pembangunan rakyat Kelantan dan tidak berdendam, kalau tidak, peruntukan ke Kelantan telah di-sekat.

Setelah mempamerkan dirinya sebagai pihak yang jujur dan ikhlas, UMNO cuba pula menggambarkan PAS sebaliknya. PAS dikatakan bukan berhajat sangat menegakkan Islam. Pemimpin PAS hanya bercakap tentang Islam tanpa membuat apa-apa untuk rakyat, sama ada membina masjid atau sekoialah agama. Mereka hanya membina yang remeh-temeh seperti sepanduk dan tugu. Pemimpin PAS hanya memperalatkan agama. Datuk Najib Tun Razak, semasa berceramah di Kampung Gong Dermin pada 25 Mac antara lain menyebut:

Rakyat negeri ini ditipu oleh pemimpin PAS ... dengan memberi pelbagai gambaran palsu. Dalam keadaan begini rakyat yang menjadi mangsa permainan politik parti pembangkang ... PAS perlu ditentang habis-habisan supaya tidak wujud parti yang merosakkan akidah umat Islam dengan membuat fatwa yang mengelirukan seperti mengafirkhan orang UMNO (*Berita Harian*, 26 Mac 1994).

Sebelum ini, iaitu pada 5 Mac semasa berucap di Majlis Penerangan Mubaligh di Auditorium MARA Kota Bharu, Najib juga telah menyebut hal yang sama. Beliau berkata bahawa rakyat Kelantan sudah ter-perangkap dan terlalu sukar untuk keluar daripada perangkap penipuan PAS itu. Dalam sesi ceramah yang sama, Muhamad Taib juga menekankan dakwaan yang sama. Beliau mengatakan bahawa PAS menggunakan isu agama untuk menyeleweng fikiran rakyat, memancing undi dan mencari pengaruh. Dakwaan ini juga menjadi modal kempen Senator Zaleha Hussein, Ketua Wanita UMNO Kelantan. Zaleha ketika berkempen di Kampung Kubang Galas pada 23 Mac mengatakan bahawa PAS telah merosak akidah umat Islam dan meminta PAS memberhentikan segera amalan itu. Beliau juga memberitahu orang ramai bahawa PAS hanya parti politik dan hari pengundian pada 29 Mac nanti adalah hari memilih parti tetapi bukan memilih agama. Oleh itu, "Tidak mengundi PAS tidak berdosa", kata Othman Abdul, Setiusaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri ketika berkempen di Tanjung Stan pada 27 Mac.

PAS dikatakan bukan sahaja telah gagal membangun rakyat, tetapi para niempimpinnya telah membolot kekayaan untuk diri sendiri. Ahmad Rastom ketika berucap di Kampung Baru Banggu pada 23 Mac mengatakan bahawa pemimpin APU (Angkatan Perpaduan Umah) hanya mampu memperbaiki kehidupan mereka sahaja, sedangkan rakyat terus hidup dalam kemiskinan tanpa pembelaan. Rahmah Othman semasa berucap di Kampung Dermin pada 25 Mac mengulangi kenyataan di

atas dengan mengatakan bahawa pemimpin PAS semakin mewah dan rakyat terus menderita. Beliau berkesimpulan bahawa PAS telah melakukan pembohongan besar. Ketua Penerangan Islah pula menuduh para pemimpin PAS membolot hasil-mahsul negeri seperti harta rampasan perang (*Berita Harian*, 28 Mac 1994). Mustapha Muhamad juga mendakwa bahawa para pemimpin PAS mengabui mata rakyat. Mereka menerima elauan daripada kerajaan tetapi meminta rakyat menolak Amanah Saham Nasional dengan mengatakannya haram (*Berita Harian*, 26 Mac 1994).

Ketidakjujuran pemimpin PAS tersebut telah disimpulkan dengan baik oleh penulis pojok “Gosip Coffee House” akhbar *Mingguan Malaysia* 27 Mac 1994. Antara lain ia menulis:

Rata-rata mempersoalkan tema ‘Membangun Bersama Islam’ yang dibawa oleh PAS. Kononnya, bukan rakyat yang membangun tetapi hanya wakil-wakil rakyatnya sahaja semakin berubah corak kehidupan. Daripada rumah buruk bertukar kepada rumah baru. Daripada rumah papan bertukar kepada rumah batu. Demikian juga daripada kereta buruk kepada kereta baru. Tetapi rakyat masih berada di tahap lama. Nak cari makan pun susah, hingga ramai yang terpaksa berhijrah menumpang ihsan di negeri-negeri lain.

Penulis pojok itu selanjutnya telah mengutip apa yang didakwanya sebagai pantun seloka rakyat Kelantan.

*Mat Iraq,
Ibrahim Libya
rakyat kohor sesak,
wakil rakyat kohor segar.*

ISLAM PAS

Semenjak kelahirannya lagi, PAS memperkenalkan dirinya sebagai parti Islam. Meskipun pada zaman awalnya ia dikenali sebagai parti per kaum-an Melayu yang melampau berbanding dengan UMNO (Ratnam dan Milne 1967; Tunku Abdul Rahman 1969) dan dipimpin pula oleh para nasionalis seperti Dr. Burhanuddin Helmi dan Asri Haji Muda, tetapi ia tidak merengangkan dirinya dengan Islam. Paling tidak, Islam itu paling berguna untuk PAS membela UMNO dengan fatwa-fatwa ke-agamaan. Umpamanya, dalam pilihanraya umum tahun-tahun 1964 dan 1969, PAS berfatwa bahawa sesiapa yang menyokong orang bukan Islam menjadi pemimpin maka ianya kafir (Mohd. Zain Saleh 1985,99). Fatwa ini sudah tentu ditujukan kepada UMNO yang berserikatan dengan MCA dan MIC. Pada musim pilihanraya umum tahun-tahun 1982 dan 1986, sekali lagi PAS mengeluarkan fatwa yang lebih dikenali sebagai Amanat

Haji Hadi. Fatwa ini menyebut bahawa seseorang yang tidak memerintah dengan hukum Allah maka ianya kafir (Kerajaan Malaysia 1986).

Setelah sahaja PAS berjaya menawan kerajaan negeri Kelantan dalam pilihanraya umum 1990 lalu, parti itu mahu tidak mahu terpaksa memperlihatkan dirinya adalah bersungguh-sungguh hendak melaksanakan hukum Allah. Beberapa peraturan baru telah digubal dan diakuatkuasakan. Peraturan itu seperti mengharamkan perjudian dan meminum minuman keras di tempat-tempat awam, pertunjukan konsert dan menggubal hukum hudud (Urusetia Penerangan t.t.). Penggubalan hukum hudud tersebut adalah tindakan yang semestinya diambil oleh PAS demi untuk membuktikan bahawa ia benar-benar ingin menegakkan pemerintahan Allah. PAS perlu menunjukkan bahawa ia bukan sahaja mampu menggubal dan melaksanakan peraturan kecil dan ringan seperti yang bersabit judi dan minuman keras, tetapi juga hukum-hukum yang lebih berat dan kompleks.

Kekosongan Dewan Undangan Negeri Kawasan Lundang secara tiba-tiba itu telah mendesak PAS untuk membuktikan kesungguhannya untuk memerintah secara Islam. Oleh itu, PAS secara tergesa-gesa menyerahkan draf hukum hudud itu kepada Perdana Menteri untuk mendapat kelulusan kerajaan pusat.¹¹ Dengan penyerahan itu, PAS mahu memerangkap UMNO dari segi keislamannya (Abdul Malique 1994). Seandainya UMNO menolak, maka PAS boleh mendakwa bahawa parti itu memang tidak berniat menegakkan Islam. Kalau sebaliknya, iaitu UMNO ber-setuju, maka PAS boleh pula mengatakan bahawa ia telah berjaya menegakkan negara Islam di Kelantan. Dengan itu, rakyat Kelantan tidak ada alasan untuk tidak mengundi parti itu.

Sesuai dengan strategi itu, maka pilihanraya kecil Lundang, PAS telah memakai slogan khas, iaitu 'tak do sebab demo nak lawe kawe' (tidak ada sebab kamu patut melawan saya). Slogan ini telah dipaparkan di kain-kain rentang yang dijulang pada hari penamaan calon dan dipasang di seluruh kawasan Lundang oleh penyokong PAS. Slogan ini diambil daripada ucapan Nik Abdul Aziz ketika melancarkan kempen untuk pilihanraya kecil ini, iaitu beberapa hari sebelum hari penamaan calon (Wan Ismail 1994; Salmah Mat Hussein 1994). Melalui slogan ini, PAS mahu mengatakan bahawa sekiranya UMNO benar-benar mahu menegakkan Islam, maka parti itu seharusnya berkerjasama, bukan menentang PAS kerana PAS sedang bertindak ke arah itu. Kalau UMNO menentangnya juga bererti parti itu menentang usaha pelaksanaan hukum Allah dan dengan itu UMNO bukanlah Islam. Niat PAS itu telah dicatatkan dengan jelas dalam *Harakah*, lidah rasmi PAS keluaran 11 Mac 1994 oleh pencatat tetapnya, iaitu Ibnu Muslim. Beliau mencatatkan bahawa pilihanraya kecil Lundang sebagai medan pertandingan antara penyokong dengan penentang pelaksanaan syariah.

Di ketika UMNO mendakyahkan hukum hudud itu sebagai hukum PAS, PAS tetap mengatakan hukum itu sebagai hukum Allah. Dalam ceramahnya di Kampung Demit pada 23 Mac, Nik Abdul Aziz mengatakan bahawa hukum itu hanya boleh dikaji oleh kerajaan pusat untuk dilaksanakan, tetapi, bukan untuk ditolak kerana ia adalah hukum Allah tetapi bukan kehendak kerajaan Kelantan atau PAS. Dalam ceramah ini juga, Menteri Besar Kelantan itu menegaskan bahawa pelaksanaan hukum hudud itu bertujuan untuk mendapat keadilan. Tuduhan UMNO yang mengatakan hukum hudud itu sebagai hukum PAS telah dijawab oleh Nik Abdul Aziz dengan mengatakan bahawa beliau bersedia mengenepikan hukum yang digubal oleh PAS itu seandainya UMNO boleh menggubal hukum yang lebih baik daripada itu (Wan Ismail 1994). PAS menegaskan lagi bahawa hukum hudud itu hanya satu, tidak ada hukum hudud PAS atau hukum hudud UMNO. Ia adalah hukum Allah.

PAS dan Islam bukan sahaja tidak pernah terlerai, iaitu seperti dua permukaan pada sekeping wang, tetapi terus-menerus diperkuuhkan ikatan antara keduanya. Sebaik sahaja Asri dan kumpulannya berundur daripada PAS, golongan ulama memperkuuhkan kedudukan mereka dengan memperkuatkan ciri-ciri yang dianggap Islam dan membuang sebarang ciri yang bukan Islam, seperti ciri nasionalisme. Umpamanya dalam pilihanraya umum 1986, PAS hanya mengambil ahli-ahli yang berpendidikan agama sebagai calonnya.

Dengan itu, tidaklah menghairankan kalau isu pertama yang dikemukakan oleh PAS dalam kempen pilihanraya kecil Lundang ialah ketokohan ulama calon-calonnya. Ketokohan Haji Mawardi terus diungkit-ungkit oleh PAS. Haji Mawardi adalah seorang tok guru pondok dan cucu kepada Tok Kenali. Beliau adalah satu-satunya cucu Tok Kenali yang mewarisi sifat ulama besar itu (Mohd. Nasir 1994). Pengungkitan ini adalah untuk mengutarkan ciri keulamakan yang dimiliki oleh PAS tetapi tidak dimiliki oleh UMNO. Perbezaan ini boleh dijadikan bukti oleh PAS betapa sungguh-sungguh ia mahu menegakkan pemerintahan secara Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Nik Abdul Aziz. Beliau menyatakan bahawa ketokohan calonnya itu akan memperkuuhkan lagi Pentadbiran kerajaan Kelantan yang berteraskan kepimpinan ulama itu (*Harakah*, 25 Mac 1994). Calon PAS, iaitu Mohamad Daud atau lebih dikenali sebagai Mohamad Iraqi adalah seorang yang diberi label ‘ulama sepenuh masa’ kerana beliau bukan sahaja berpendidikan agama sepenuhnya tetapi juga bekas pensyarah Akademi Islam (Universiti Malaya) dan Penolong Pengarah Yayasan Islam Kelantan. Patut juga dinyatakan di sini bahawa beliau juga adalah Pemangku Ketua Dewan Ulama PAS Kelantan. Dengan menimbulkan ciri keulamakan ini, PAS boleh memberitahu kepada para pengundi Lundang bahawa pengganti Mawardi adalah ulama yang tidak kurang

hebatnya. Apabila PAS menyebut ‘tak dok sebab demo nak lawe kawe’, ia juga bermakna tidak ada sebab para pengundi Lundang tidak mengundi calonnya itu.¹²

PERBALAHAN TAKRIFAN ISLAM

Perbalahan tentang takrifan Islam ini akan terus mendominasi isu-isu kemenangan PAS dan UMNO dalam pilihanraya umum akan datang, sungguhpun UMNO terus kecundang dalam pilihanraya kecil ini.¹³ Isu pembangunan bukan sahaja kelihatan semacam isu lapuk yang gagal menambat hari rakyat Kelantan khususnya, tetapi juga boleh menjaskan nama baik UMNO sebagaimana yang ditunjukkan oleh beberapa peristiwa projek pembangunan yang dilaksana oleh kerajaan seperti yang berlaku di Kedah dan Perlis (*Utusan Malaysia*, 22 April 1994; *The Star*, 21 April 1994).

UMNO akan terus berusaha untuk memperlihatkan bahawa ia adalah pejuang Islam yang sebenar tetapi bukan PAS. Pada 21 April lalu, Pemuda UMNO telah melancarkan tunjuk perasaan menyokong perjuangan rakyat Bosnia disebuah hotel di Petaling Jaya. Pada hari berikutnya Dr. Mahathir, yang merasmikan Perhimpunan Program Khas Pemuda UMNO tersebut telah memberitahu pemberita bahawa Setiausaha Agung PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), Boutros-Ghali patut meletak jawatan kerana tidak efektif dalam menangani konflik di Bosnia Hercegovina. Pada hari berikutnya, beberapa pertubuhan yang menjadi penyokong UMNO seperti PENA, ABIM, Majlis Belia Malaysia dan Persatuan Bukan Kerajaan telah menubuhkan Barisan Bertindak Bosnia (*The Sunday Star*, 24 April 1994). Badan ini akan menjalankan beberapa program seperti mengutip derma untuk rakyat Bosnia dan mengadakan tunjuk perasaan di samping mengirimkan memoranda kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan krisis itu.

Sebelum ini, iaitu pada 27 Februari PAS telah pun mengadakan program yang sama. Satu tunjuk perasaan dan perarakan telah dibuat oleh Pemuda PAS di Dataran Merdeka yang dihadiri oleh 2,000 orang penyokongnya (*Harakah*, 4 Mac 1994). Dalam waktu yang sama PAS mengambil kesempatan memburuk-buruk UMNO kerana tidak bertindak sewajarnya dalam membantu rakyat Bosnia. Lebih jauh lagi, PAS telah memperkecil tindakan kerajaan Malaysia menghantar tenteranya ke sana untuk berkhidmat sebagai pasukan pengaman PBB serta mendakwa para tentera yang berkhidmat di sana hanya membantu musuh Islam (*Harakah* 25 April 1994).¹⁴

Kejayaannya dalam pilihanraya kecil ini meyakinkan lagi PAS bahawa isu keislaman boleh menambat orang ramai untuk mengundiinya. Bertolak pada perkiraan ini, maka sudah tentu parti PAS ingin

menonjolkan bahawa ia bukan sahaja mahu menegakkan Islam tetapi Islam yang mahu ditegakkannya itu adalah Islam yang sebenar. Keinginan PAS ini bukan sahaja diperlihatkan melalui pelaksanaan beberapa peraturan (hukum-hukum Islam yang bersabit dengan judi, arak dan pengubalan hukum hudud) tetapi juga secara tindakan yang lebih nyata. Umpamanya, pada penghujung bulan April lalu, Majlis Pembandaran Kota Bharu telah membuang patung-patung kijang di penjuru-penjuru menara jam di Medan Tuan Padang kerana dikatakan kewujudan patung-patung itu “bertentangan dengan kehendak Islam yang melarang pembinaan objek menyerupai makhluk bernyawa” (*Harakah*, Mei 1994). Dengan tindakan dan dakwaan yang sedemikian, PAS secara tidak langsung mahu menunjukkan bahawa pihak yang membina patung-patung itu adalah “pihak yang bertentangan dengan Islam”. Pihak tersebut sudah tentu UMNO kerana patung-patung itu dibina semasa UMNO menjadi kerajaan negeri dahulu.

UMNO juga menyedari bahawa ia perlu terus berdepan dengan PAS dalam isu keislaman ini. Selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 16 Mei, Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi mengasak PAS dari sudut ketidakadilan dan kekejaman. Bagi beliau:

Di dalam Islam ada disebut tentang betapa pentingnya keadilan dan betapa kelaziman tidak harus ada di dalam melaksanakan sebarang undang-undangnya (*Utusan Malaysia*, 17 Mei 1994).

Perdana Menteri menegaskan lagi bahawa undang-undang (hudud) yang digubal oleh PAS itu jelas akan menyebabkan berlaku ketidak-adilan. Pandangan beliau ini disiarkan di muka depan *Utusan Malaysia*, keluaran 17 Mei 1994 di bawah tajuk “Hudud PAS tidak jamin keadilan – PM”.

Untuk menyatakan kepada rakyat bahawa UMNO mendukung Islam yang lebih benar daripada PAS, maka Jabatan Perdana Menteri menganjurkan satu festival tamadun Islam sedunia di Pusat Islam dari 17 Jun hingga 31 Oktober 1994. Pihak penganjur mengatakan bahawa festival seperti ini pertama kali dianjurkan di Asia Tenggara dan amat besar sifatnya. Ia bukan sahaja mempamerkan koleksi artifek termasyhur dari seluruh dunia tetapi juga mempunyai sesi-sesi seminar, demonstrasi, persembahan video dan pertunjukan laser (*Utusan Malaysia*, 17 Mei 1994; *The Leader*, 27 Mei 1994). Di samping menonjolkan sumbangan Islam kepada tamadun dunia, festival ini juga bertujuan untuk memberitahu orang ramai bahawa kerajaan pusat (UMNO) mendukung Islam yang diakui oleh seluruh Dunia iaitu tidak seperti Islam PAS yang sempit sifatnya sebagaimana yang didakwa oleh Annuar Musa semasa berkempen di Lundang (*Berita Harian*, 21 Mac 1994). Hakikat ini dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Datuk Abang Abu Bakar Mustapha apabila beliau mengatakan bahawa festival ini dianjurkan untuk menolak konsepsi salah tentang Islam (*The Malay mail*, 17 Mei 1994).

Tuduh-menuduh, cela-mencela dan tonjol-menonjol antara PAS dengan UMNO bersabit dengan Islam yang benar-benar Islam nampaknya akan terus berlaku. Bagi Pas itulah modal ‘perniagaannya’. Manakala UMNO pula terpaksa menyediakan modal yang sama demi untuk memufliskan perniagaan PAS itu. Oleh itu, pilihanraya umum akan datang ini akan lebih menarik lagi untuk melihat bagaimana para ahli politik ‘berniaga’ dengan isu keagamaan.

EPILOG

Dalam sepanjang dekad yang lalu, Edward Said (1978, 1981) telah mengemukakan kritikan keras terhadap penggunaan Islam sebagai perkaatan dan konsep. Beliau membahaskan bahawa Islam telah digunakan secara wewenang sekali apabila ia katakan sebagai satu kategori khusus dan para penganutnya, hanyalah dikenali sekali dan selamanya sebagai orang Islam tetapi bukan sebagai orang Turki atau Arab, lelaki atau perempuan, tani atau pedagang. Kritikan Said ini adalah selaras dengan kesedaran para peneliti agama tentang pandangan lama mereka. Pandangan lama itu menganggap terdapat kesatuan wawasan di kalangan seluruh anggota sesebuah tradisi. Akhir-akhir ini disedari bahawa kedudukan sosial seseorang anggota itu seperti kelas, generasi, status dan jantina mempengaruhi dan mencorakkan pentafsiran idea dan amalan sesebuah tradisi sehingga menimbulkan perbezaan sesama mereka (Eickelman 1987, 25).

Sehubungan dengan itu dicadangkan bahawa untuk meneliti kehidupan penganut Islam tidak sepatutnya bertolak dari konsep kepercayaan itu tetapi meneliti apa yang disebut dan diamalkan oleh penganut berkenaan (Mortimer 1982). Sungguhpun Islam dianggap sebagai agama wahyu dan menyediakan suatu cara hidup yang lengkap yang boleh membentuk segala aspek pemikiran dan kelakuan, tetapi adalah keterlaluan untuk mengatakan tidak ada perbezaan di kalangan penganutnya.

Perpecahan dan konflik di kalangan penganut Islam terlalu nyata dan setiap pihak saling mengakui bahawa ia berada di pihak yang benar-benar Islam dan pihak yang satu lagi adalah penyeleweng (Kalim Siddique 1992).¹⁵ Fenomena ini boleh dianggap biasa di kalangan penganut Islam di mana-mana sahaja. Mereka memang bersetuju atas beberapa perkara asas dalam Islam seperti tentang kitab (al-Quran), Sunnah Nabi Muhamad serta keluarganya, tetapi berbalah tentang bagaimana perkara asas itu harus berperanan dalam kehidupan sehari-hari mereka (Gelsenan 1982).

Masyarakat Islam di mana-mana sahaja telah mengalami transformasi sosial yang hampir sama. Transformasi itu bermula dengan program pembangunan yang dilancarkan oleh para pemimpin negara berkenaan sebaik sahaja mencapai kemerdekaan. Program pembangunan baik dalam bidang ekonomi, pendidikan, pentadbiran mahupun undang-undang yang bermodelkan pembangunan negara Barat itu telah menjasaskan kedudukan dan kehidupan kelas ulama dan kelas tani miskin.

Dalam sistem pentadbiran dan undang-undang tradisional, ulama mendapat tempat yang istimewa. Mereka adalah golongan pentadbir negeri dan pemegang institusi pendidikan. Apabila berlaku perubahan di dalam bidang-bidang berkenaan, dengan sendirinya peranan dan kedudukan mereka itu tercicir dan sekaligus terancam dan musnah. Akhirnya mereka wujud sebagai kelas sosial yang tidak berkuasa dan bermartabat rendah. Manakala pengenalan sistem ekonomi bebas (kapitalis) pula telah mengancam keselesaan hidup petani miskin (Scott 1976, 1985).

Kesusahan hidup rakyat bawahan telah ditafsirkan sebagai hasil penyelewengan corak pemerintahan negara. Penyelewengan itu dikatakan bermula apabila pemerintah negara menyingkirkan ulama dan menolak pelaksanaan hukum Allah.¹⁶ Seandainya pemerintahan dijalankan mengikut hukum Allah dan ulama diberi peranan memerintah, kesusahan hidup rakyat miskin tersebut dapat diatasi. Inilah yang di perkatakan oleh PAS di sepanjang kempennya dalam setiap kali pilihanraya umum ataupun pilihanraya kecil. Dengan itu PAS menyarankan bahawa bagi menyelesaikan masalah rakyat itu, rakyat harus menukar pemerintahan sekarang dengan kerajaan yang ingin melaksanakan hukum Allah (*Harakah*, 4 Mac 1994).

PAS mendakwa bahawa apabila pemerintah melaksanakan hukum Allah di dalam pemerintahannya, maka Allah akan menurunkan rahmatNya dan negara atau negeri berkenaan akan makmur. Dikatakan bahawa kerajaan Kelantan semenjak diperintah oleh PAS telah menjadi sebuah negeri yang termakmur dan sejahtera (Urusetia Penerangan t.t.). Malah seorang penulis mencatatkan antaranya seperti berikut:

Betapa banyaknya pertambahan orang yang mampu membeli kenderaan sendiri di Kelantan sekarang ini. Betapa jalan yang ada sejak dua tiga tahun dahulu ... tidak mampu lagi menampung pertambahan pesat bilangan kereta dan lain-lain kenderaan di Kota Bharu. Ini semua adalah kejayaan Kelantan memajukan sektor ekonominya sehingga semakin ramai rakyat yang mampu memiliki kenderaan sendiri (Zulkifli Sulong 1994).

Sebaliknya, UMNO mempunyai tanggapan yang berlainan tentang punca kemiskinan hidup rakyat Kelantan. Ia berpendapat bahawa negeri

Kelantan menjadi negeri termiskin di Malaysia berpunca daripada kepercayaan dan sikap rakyatnya yang kuat dipengaruhi oleh keagamaan. Taraf hidup rakyat Kelantan dapat dipertingkatkan sekiranya mereka mengambil sikap yang lebih terbuka terhadap pembaharuan yang dilancarkan oleh kerajaan pusat. Tegasnya, UMNO ingin menyatakan kepada rakyat Kelantan bahawa kesusahan hidup mereka tidak sekali-kali berpunca daripada keengganan kerajaan menjalankan hukum-hukum Allah tetapi berpunca daripada kekolotan mereka sendiri. Hakikat ini ditegaskan oleh Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamad Rahmat semasa mengiringi calon UMNO pada hari penamaan calon. Beliau berkata bahawa rakyat Kelantan tertinggal dalam kemunduran berbanding dengan rakyat di negeri-negeri lain kerana terlalu terpengaruh dengan isu keagamaan (*Berita Minggu*, 20 Mac).

Kedua-dua pihak berkenaan saling meyakini bahawa pihaknya sahaja yang benar-benar Islam. UMNO mendakwa bahawa sungguhpun ia tidak menggunakan nama Islam tetapi tidak bermakna keislamannya berkurangan, malah Islamnya lebih sempurna berbanding dengan PAS (Wak Cantuk 1994, 1994a; Gamal Nasir Ali 1994; Wan Ahmad Hassan 1994; Abdul Malique 1994). Sebaliknya, PAS juga mendakwa hakikat yang sama (Ibnu Muslim 1994; Subky latif 1994, 1994a; Salmah Mat Hussein 1994). Kedua-dua pihak sungguhpun berpijak pada landasan yang sama tetapi oleh kerana pengalaman kehidupan harian mereka berbeza, maka pandangan dan takrifan yang terungkap daripadanya tidak serupa. Agama juga adalah semacam ‘bahasa’. Ia boleh sahaja digunakan oleh pelbagai pihak secara berbeza-beza dengan tujuan untuk memujuk, memanipulasi dan menguasai kedudukan politik (Fischer 1980,4). Hakikat inilah yang tersirat di dalam perbalahan tentang takrifan Islam di antara UMNO dengan PAS dalam politik Malaysia hari ini.

NOTA

1. Perkataan tersebut banyak sekali terdapat dalam surah-surah al-Quran. Ia merupakan sebahagian dari rangkaikata yang bermaksud ‘wahai orang-orang beriman...’. Umpamanya dalam surah al-Maidah, ayat-ayat 1,2,8 dan 10 mulai dengan rangkaikata tersebut.
2. Kedua-dua wakil UMNO di dalam Dewan itu turut menyokong enakmen tersebut.
3. Untuk memperlihatkan PAS mempunyai Islam yang kasar dan tidak adil, Timbalan Pengerusia Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Annuar Musa mengatakan bahawa PAS telah memaksa PKINK (Perbandaran Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan) menderma kepadanya RM1 juta bagi menampung perbelanjaan pilihanraya. Katanya lagi perkara ini akan disiasat dan mereka yang bersalah akan didakwa (*Berita Harian*, 28 Mac 1994).

4. Muncul dalam pilihanraya umum 1990. Anggotanya ini berpecah dengan organisasi induknya, PAS atas alasan tidak bersetuju dengan keputusan pimpinan PAS yang bersetuju untuk bergabung dengan S46.

5. Dalam pilihanraya ini, PBS (Parti Bersatu Sabah) telah memenangi 25 kawasan, manakala BN (Barisan Nasional) pula sebanyak 23 kawasan (*Berita Minggu*, 20 Feb. 1994; *The Sunday Star*, 20 Feb. 1994). PBS dianggap sebuah parti Kristian kerana para pemimpinnya ramai yang beragama Kristian, termasuklah Presidennya, Datuk Joseph Pairin Kitingan.

6. PAS Kawasan Kota Bharu yang diwakili oleh Pemangku Yang Dipertuaanya telah membuat aduan polis bersabit dengan ucapan ini pada 27 Februari 1994. Pada pandangan PAS, ucapan itu bersifat menghasut dan provokasi (*Harakah*, 14 Mac 1994).

7. Ayat-ayat ini bermaksud: Maka dengan rahmat Allah, menjadi lunaklah hati engkau kepada mereka. Jika sekiranya engkau seorang yang jahat budi pekerti, berhati kasar, nescaya larilah mereka itu bercerai-berai daripada engkau. Oleh sebab itu maafkanlah dosa mereka, minta ampunkanlah kesalahan mereka, bermesyuaratlah engkau dengan mereka dari hal urusan, maka apabila engkau telah mempunyai cita-cita yang tetap, berserahlah diri kepada Allah, Allah maha mengasihi orang-orang yang menyerah kepadanya (Ali Imran 159); Tiadalah Allah melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu, lantaran agamamu dan tidak pula mengusir kamu dari tanah airmu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil itu (Mumtahanah 8).

8. Tok Kenali atau nama sebenarnya Mohd. Yusof Mohamad (1868-1933) adalah ulama besar dan terkenal sehingga beliau dianggap wali (Nik Abdul Aziz 1982, 25-29). Manakala Haji Daud Bukit Abal adalah seorang ulama semasa yang juga agak terkenal kerana setiap hari minggu didatangi oleh orang ramai ke madrasahnya untuk mendengar pengajaran beliau.

9. Kandungan beritanya ialah: Kota Bharu, Khamis – Barisan Nasional memilih tokoh muda agama, Nik Abdul Rahman Nik Taib sebagai calonnya dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Lundang pada 29 Mac ini.

10. Selanjutnya beliau mendakwa bahawa adalah sentiasa menjadi tanggung-jawab kerajaan pusat kalah ataupun menang. Nada ucapan ini berbeza sekali dengan tindakan UMNO pada masa-masa lalu. Sebelum ini, UMNO akan menarik balik projek pembangunan dan subsidi apabila sahaja ia kalah dalam pilihanraya.

11. Ia diserahkan kepada Perdana Menteri di pejabatnya pada 21 Mac 1994 oleh Menteri Besar Kelantan.

12. *Harakah* 28 Mac memuatkan berita bahawa ramai pengundi di Lundang berpendapat bahawa tidak ada sebab untuk rakyat Kelantan menolak kerajaan negeri yang dipimpin oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz.

13. Keputusan Pilihanraya kecil Lundang Yang diadakan pada 29 Mac tersebut telah menghasilkan keputusan seperti berikut, calon PAS mendapat 9,270; manakala calon UMNO pula mendapat 5,024 undi. Dengan itu majoriti kemenangan PAS ialah 4,246 undi iaitu tidak begitu jauh bezanya dengan jumlah yang dicapainya dalam pilihan raya umum 1990 itu.

14. Keterlanjuran ataupun keterlaluan PAS ini (demi untuk menunjukkan bahawa ia sahaja yang memperjuangkan Islam) telah menimbulkan kemarahan

orang ramai sehingga ia terpaksa meminta maaf kemudiannya (*Mingguan Malaysia*, 1 Mei 1994; *Utusan Malaysia*, 2 Mei 1994; *The Sunday Star*, 8 Mei 1994).

15. Perbezaan dan konflik yang barangkali sama tua dengan usia Islam sendiri yang terus berlanjutan ialah antara Sunni dengan Syiah. Tuduh-menuduh dan cela-mencela, malah kafir-mengkafir antara kedua pihak ini tidak pernah reda, malah kian hangat diperkata dalam masyarakat Islam di negara ini sendiri (*Mingguan Malaysia*, 1 Mei 1994; *Utusan Malaysia*, 2 Mei 1994).

16. Sentimen ini boleh dilihat umpamanya pada tajuk berita halaman tengah Harakah yang bertulis dengan huruf besar dan tebal berwarna merah, keluaran 7 Februari 1994 bersabit dengan perubahan hari cuti mingguan negeri Johor dan Perlis daripada hari Jumaat kepada hari Ahad. Tajuk berita berbunyi 'UBAH CUTI: FATWA SONGSANG YANG MENGETEPIKAN ULAMA'.

RUJUKAN

- Abdul Malique Abdul Razak. 1994. Hati-hati perangkap PAS. *Utusan Malaysia*, 28 Mac.
- Abdul Razak Ayub. 1985. *Perpecahan bangsa Melayu*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Asri Haji Muda. 1994. *Memoir politik Asri: Meniti arus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chandra Muzaffar. 1987. *Islamic resurgence in Malaysia*. P. Jaya: Fajar Bakti.
- Eickelman, D.F. 1987. Changing interpretations of Islamic movements. Dlm. W. R. Roff, ed. *Islam and the political economy of meaning, Comparative studies of Muslim discourse*. London: Croom Helm.
- Fischer, M.M.J. 1980. *Iran from religion dispute to revolution*. Cambridge, Mass., Harvard University Press.
- Gamal Nasir Mohd Ali. 1994. Erti toleransi dalam Islam. *Utusan Malaysia*, 23 Mac.
- Ghazali Mayudin. 1993. Faktor kesedaran agama dan semangat kenegerian dalam pilihanraya umum 1990 di Kelantan. Dlm. Hairany Naffis, ed. *Amalan politik Malaysia*. Bangi: Jab. Sains Politik UKM.
- Hanapi Dollah. 1986. Pilihanraya 1986: Satu kajian kes di Kelantan. laporan penyelidikan Projek 20/86.
- Hussein Mohamed. 1993. Anwar Ibrahim: Dari politik belia ke kancah politik UMNO. Dlm. *Amalan politik Malaysia*, Hairany Naffis, ed. Bangi: Jab. Sains Politik UKM. 84-103.
- Ibnu Muslim. 1994. Medan pertandingan penyokong dan penentang pelaksanaan Syariah. *Harakah*, 11 Mac.
- Jelani Jaafar. 1983. Perkembangan politik semasa: Suatu tinjauan mengenai dorongan dan cabaran, Konvensyen UMNO Kelantan, Kota Bharu.
- Kalim Siddique. 1992. Process of error, deviation, correction and convergence in Muslim political thought. *Al-Tauhid* 9 (2): 123-162.
- Kerajaan Malaysia. 1986. *Kertas Perintah 21*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Mohamad Abu Bakar. 1987. *Penghayatan sebuah ideal: Suatu tafsiran tentang Islam semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Nasir Rani. 1994. Cucu Tok Kenali yang mewarisi ulama. *Harakah*, 18 Febuari.
- Mohd Zain Saleh. 1985. *Sejarah UMNO Kelantan*. Kota Bharu: Perhubungan UMNO Negeri Kelantan.
- Mohd Zainal Abidin Hussin. 1994. Tema baru kempen UMNO di Lundang. *Harakah*, 14 Mac.
- Mortimer, E. 1982. *Faith and Power: The Politics of Islam*. London: Faber and Faber.
- Nagata, J. 1984. *The reflowering of Malaysian Islam*. Vancouver: University of Brtitsh Columbia.
- Othman Muda. 1994. Beberapa soalan tentang prinsip keadilan kerajaan. *Harakah*, 14 Mei.
- Ratnam, K. J. R. S. Milne. 1967. *The Malayan Parliamentary election of 1964*. Singapore: University of Malaya Press.
- Rencana Pengarang. 1988. Penyertaan Datuk Asri dalam UMNO. *Berita Harian*, 23 Nov.
- Rogers, E. M. 1969. *Modernization among peasants: The impact of communication*. New York: Rinehart and Winston.
- Said, E. 1978. *Orientalism*. London: Routldge and K. Paul.
- _____. 1981. *Covering Islam*. London: Routledge and K. Paul.
- Salmah Mat Hussein. 1994. Sendaloka buat UMNO Kelantan. *Harakah*, 11 April.
- Saodah Elias. 1988. Haji Nakhaie lemas dilanda gelombang IRC. *Berita Minggu*, 18 September.
- Scott, J. C. 1976. *The moral economy of the peasant*. New Haven: Yale University Press.
- _____. 1985. *Weapons of the weak*. New Heaven: Yale university Press.
- Subky Latif. 1994. Menunggu saat pengundi bermandikan wang. *Harakah*, 25 feb.
- _____. 1994a. Kiranya Dr. Mahathir lebih alim dari ulama. *Harakah*, 8 April.
- Tunku Abdul Rahman. 1969. *Tragedi 13 Mei*. Kuala Lumpur: Utusan Pub.
- Urusetia Penerangan Kerajaan Kelantan t.t., *Buletin, keluaran Khas*, Kota Bharu.
- Wak Cantuk. 1994. Antara agama, sentimen dan kenyataan sebenar di Lundang. *Mingguan Malaysia* 27 Mac.
- _____. 1994a. Bila PAS kurung diri sendiri. *Mingguan Malaysia*, 24 April.
- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif. 1994. Pembangunan dan perubahan sosiopolitik Kelantan selepas 1990: suatu tinjauan. Kolokium Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Ahmad Hassan. 1994. PAS guna taktik lama di Lundang. *Utusan Malaysia* 28 Mac.
- Wan Hashim Wan Teh. 1988. Suatu pagi bersama Asti. *Mingguan Malaysia*, 18 Dis.
- Wan Ismail Wan Jusoh. 1994. Hudud adalah satu, tidak dua dan tidak tiga. *Harakah*, 11 Mac.
- Wan Zahidi Wan Teh. 1987. *Masalah Takfir dalam masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Weiss, A. M. ed. 1988. *Islamic reassertion in Pakistan: the applications of Islamic*

- laws in a Modern State. Lahore: Vanguard Books.
- Zainab Anwar. 1987. *Islamic revivalism in Malaysia: Dakwah among the students.* P. Jaya: Pelandok Pub.
- Zulkifli Sulong. 1994. UMNO usaha kurangkan majoriti PAS di DUN Lundang. *Harakah*, 4 Mac.

Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi UKM 43600
Selangor Darul Ehsan